

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	NRES TINGKAT KERJASAMA BENDUNG LOMBONG HARAM, SELUDUP REE
	SUMBER	BH (12 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

BH Khamis, 12 Disember 2024

Nasional

7

NRES tingkat kerjasama bendung lombong haram, seludup REE

Kastam, polis diberi kefahaman jenayah berkait unsur nadir bumi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa lain terutama polis dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dalam usaha mengekang kegiatan perlombongan haram dan menyeludup bahan unsur nadir bumi (REE).

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, kerjasama itu termasuk memberi kefahaman kepada pihak berkuasa berkenaan berkaitan jenayah itu memandangkan REE adalah bidang baharu dan ramai masih tidak memahaminya.

Katanya, beliau maklum mengenai kegiatan perlombongan haram REE di beberapa lokasi seluruh negara termasuk di Kedah, Perak dan Kelantan.

"Kegiatan ini memang merugikan negara jadi kita sedang berusaha mengekangnya kerana REE adalah perkara baharu untuk pihak berkuasa malah ada sebahagian tidak maklum lagi bentuk REE.

"Saya juga ada dengar maklumat kadang-kadang keluar REE dari sempadan secara sah, tetapi isytihar sebagai tanah liat atau benda lain.

"Sebab itu kita sedang meningkatkan kerjasama dengan kastam dan polis untuk mereka juga fa-

ham bagaimana bentuk REE dan penyeludupan berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi penaja bagi Sesi Dialog Pasca Persidangan Parti-Parti Ke-16 Kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD COP16) di sini, semalam.

Nik Nazmi berkata, pihaknya yakin usaha mengekang penyeludupan bahan itu boleh dilaksanakan jika Lynas Corporation Ltd (Lynas) mampu memproses bijih itu dari Malaysia.

"Ketika ini Lynas belum memproses bijih dari Malaysia, tetapi mereka sedang mengkaji melaksanakan pemrosesan bijih dari Malaysia.

"Ada juga kerjasama dengan pihak lain seperti di Perak yang sedang melaksanakan projek perintis pemrosesan.

"Jadi apabila ia dapat diperkembangkan dengan lebih baik saya yakin itu akan mengencilkan ruang untuk aktiviti perlombongan haram berlaku," katanya.

55 individu ditahan

Dua hari lalu, polis menahan 55 individu ketika membongkar kegiatan perlombongan REE disyaki secara haram di Gua Musang, sebelum bahan itu dikumpul dan diproses di Banting, Selangor untuk dieksport.

Mereka ditahan menerusi Operasi Khazanah Khas 1/24 dalam tiga serbuan berasingan dengan dua serbuan di Gua Musang dan satu serbuan di Banting.

Sementara itu berkenaan Sesi Dialog Pasca CBD COP16, Nik Nazmi berkata, Malaysia menjadi antara negara pertama yang

mengintegrasikan kerangka biodiversiti global iaitu Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF) ke dalam Pelan Tindakan dan Strategi Biodiversiti Kebangsaan (NBSAP) melalui Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) 2022-2030.

Beliau berkata, pencapaian itu adalah sangat signifikan kerana setakat ini hanya 20 peratus negara peserta yang berbuat demikian.

"Pencapaian Malaysia turut menarik perhatian Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres semasa ucapan pembukaan CBD COP16 yang telah dilaksanakan oleh Malaysia dalam melipatgandakan usaha mengekang kegiatan penyahutanan (deforestation)," katanya.

Selain itu beliau berkata, Malaysia turut memenangi beberapa anugerah dalam CBD COP16 yang diadakan pada 20 Oktober hingga 2 November 2024 di Cali, Colombia yang diketuai oleh dirinya bersama 12 delegasi.

Katanya, antara anugerah dimenangi adalah Anugerah Emas dan tempat ketiga Anugerah National Clearing-House Mechanism (CHM).

"Kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia semasa CBD COP16 sewajarnya menyuntik semangat semua pemegang taruh ke arah mengukuhkan pemuliharaan biodiversiti, penggunaan komponennya secara mampan dan perkongsian faedah daripada sumber genetik yang adil dan saksama," katanya.

PENEROKAN NADIR BUMI (REE) DI GUA MUSANG, KELANTAN

Kegiatan perlombongan mineral REE disyaki secara haram di Aring, Gua Musang, Kelantan

Hasil mendapan REE dalam kampil dibawa ke gudang transit di Olak Lempit, Banting

Proses pengeringan menggunakan satu mesin 'whizzer' dan bahan mineral REE dibungkus semula di gudang

Muatan dimasukkan ke dalam kontena dan dibawa ke pelabuhan

Muatan kontena diisytiharkan sebagai baja atau tanah liat

Kontena dipercayai dieksport ke China

Info Lantanid & unsur nadir bumi | Infografik BHI

2.	TAJUK	KELANTAN PANTAU KETAT LOKASI BANYAK NADIR BUMI
	SUMBER	BH (12 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

Kelantan pantau ketat lokasi banyak nadir bumi

Kota Bharu: Kerajaan negeri Kelantan akan meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di lokasi yang dikenal pasti terdapat bahan mineral unsur nadir bumi (REE).

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohamed Fadzli Hassan, berkata pendekatan itu penting bagi mengelak lokasi berkenaan terus dilombong secara haram oleh pihak tertentu.

Katanya, ia berikutan Kelantan adalah negeri kedua yang mempunyai bahan mineral REE

paling banyak selepas Terengganu.

"Daerah yang dikenal pasti paling banyak bahan mineral berkenaan adalah di Gua Musang dan Jeli.

"Kita mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang melakukan serbuan di Gua Musang, kelmarin.

"Kerajaan negeri mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas tindakan yang diambil.

"Ia adalah satu langkah yang

sangat terpuji demi menjaga khazanah rakyat terutamanya rakyat Kelantan.

"Operasi berkenaan turut disertai kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan.

"Untuk mengelak ramai pihak yang melakukan perlombongan haram di lokasi bahan mineral, Kelantan dengan kerjasama semua agensi berkaitan akan meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di lokasi yang dikenal pasti terdapat REE," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat EXCO, di sini, semalam.

Terdahulu BH melaporkan polis menahan 55 individu ketika membongkar kegiatan perlombongan bahan mineral unsur nadir bumi (REE) disyaki secara haram di Gua Musang sebelum bahan itu dikumpul dan diproses di Banting, Selangor untuk diekspor ke luar negara, kelmarin.

Kesemua mereka ditahan menerusi Operasi Khazanah Khas 1/24 dalam tiga serbuan berasi-

ngan dengan dua serbuan di Gua Musang dan satu serbuan di Banting bermula jam 5.40 pagi.

Menerusi serbuan di FELDA Aring Gua Musang membawa kepada penahanan 46 suspek termasuk lima penduduk tempatan dan selebihnya adalah warga asing.

Mengulas lanjut Mohamed Fadzli berkata, Kelantan juga sebelum ini sudah mempunyai satu pasukan khas bagi mengekang sebarang aktiviti perlombongan haram di negeri itu.

3.	TAJUK	TANAM RASA CINTA, TANGGUNGJAWAB GENERASI MUDA KEPADA ALAM SEKITAR
	SUMBER	BH (12 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Tanam rasa cinta, tanggungjawab generasi muda kepada alam sekitar

Syafiqah Aresak, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Alam sekitar adalah aset yang tidak ternilai harganya dan menjadi asas kepada kehidupan di bumi. Ia bukan sekadar landskap memperindah dunia, tetapi menjadi keperluan sumber asas manusia.

Bagaimanapun, selari arus perkembangan zaman, berlaku peningkatan terhadap aktiviti manusia, termasuk perindustrian, urbanisasi dan penggunaan sumber alam secara tidak terkawal. Hal ini menyebabkan pelbagai masalah alam sekitar seperti perubahan iklim, pencemaran dan kemusnahan ekosistem.

Bagi menangani isu ini, kesedaran alam sekitar, terutama dalam kalangan belia amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan hidup generasi akan datang. Ia boleh dimulakan dengan sentiasa mengamalkan gaya hidup mesra alam, iaitu mengurangkan penggunaan barang plastik dan menggalakkan penggunaan barang kitar semula.

Sekiranya langkah seperti ini dibuat ia akan membantu mengatasi antara isu asas, misalnya kadar sampah yang dibuang setiap hari. Langkah ini mungkin dianggap kecil, tetapi membantu dalam memelihara sumber alam semula jadi, sekaligus mengurangkan berlaku pencemaran terhadap alam sekitar.

Pendedahan mengenai alam sekitar tidak seharusnya terhenti pada teori sahaja, tetapi perlu dibuat secara praktikal dan perlu diterap dalam kalangan masyarakat sejak usia muda. Dalam hal ini, ibu bapa perlu menjadi mentor untuk memberi tunjuk ajar supaya anak memahami kepentingan penjagaan alam sekitar.

Ia boleh dimulakan dengan aktiviti memberi pendedahan kepada anak mengenai isu penjagaan alam sekitar, misalnya prinsip kitar semula dan melakukan aktiviti pembersihan kawasan rumah atau tempat riadah pada hujung minggu. Perkara seperti ini adalah isu asas penjagaan alam sekitar dan ibu bapa boleh membantu dengan menanamkan rasa cinta dan tanggungjawab kepada alam sekitar sejak peringkat awal. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungunya.

Alam sekitar yang bebas daripada pencemaran menjadi pendorong kepada lahirnya masyarakat yang sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila berlakunya pencemaran alam sekitar, sudah tentu boleh mengancam nyawa manusia. Se-

bagai contoh, pembakaran terbuka boleh menyebabkan berlaku pencemaran udara dan langsung mengakibatkan penduduk yang berada di sekitar kawasan terjejas berisiko berhadapan masalah kesihatan.

Justeru, golongan belia perlu sentiasa peka dengan persekitaran dan mengelak daripada melakukan aktiviti pembakaran terbuka kerana perkara ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan, tetapi memberi impak negatif kepada pemanasan global.

Galak penanaman semula pokok

Pada masa sama, kita juga perlu lebih prihatin terhadap hutan di sekitar. Pembangunan hutan secara tidak terancang tentu sahaja akan menjejaskan kestabilan kehidupan, misalnya ia mampu menjadi punca bencana, selain mengganggu ekosistem. Selain melakukan pembukaan hutan secara terkawal langkah yang baik juga adalah dengan menghadkan penebangan hutan dan menggalakkan penanaman semula pokok. Hal ini dapat

memastikan hutan sentiasa terjaga dan dapat mengekalkan keseimbangan karbon dioksida di atmosfera.

Kesedaran alam sekitar dalam kalangan belia adalah antara tujuan untuk melindungi bumi daripada terus musnah dan juga dapat melahirkan generasi yang lebih bertanggungjawab serta peka terhadap kelestarian bumi.

Secara tuntas, rasa cinta dan tanggungjawab kepada alam sekitar ini boleh dibuat sejak awal dan ia hendaklah dimulakan di rumah sebelum disokong oleh sistem pendidikan. Seiring dengan itu, kempen kesedaran dan penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan.

Sekiranya golongan belia pantas bertindak dalam memelihara alam sekitar ini sudah pasti generasi akan datang masih diberi peluang untuk menikmati sumber alam semula jadi yang bersih dan terpelihara. Melalui kesedaran ini, golongan belia membuktikan bahawa generasi muda mampu menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dalam memastikan dunia lebih hijau.



Golongan belia perlu sentiasa peka dengan persekitaran dan kebersihan alam sekitar. (Foto hiasan NSTP)

4.	TAJUK	LEPAS EFLUEN TERCEMAR KE SUNGAI BULOH, DUA INDIVIDU DITAHAN
	SUMBER	BH ONLINE (12 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

Lepas efluen tercemar ke Sungai Buloh, dua individu ditahan

Oleh [Mary Victoria Dass](#) - Disember 12, 2024 @ 11:22am
bhnews@bh.com.my



Pihak JAS menahan individu bagi membantu siasatan kes melepaskan efluen tercemar ke Sungai Buloh, Pasir Gudang. - Gambar ihsan JAS.

PASIR GUDANG: Dua individu termasuk pengurus dan penyelia sebuah kilang oleokimia ditahan bagi membantu siasatan melepaskan efluen tercemar ke Sungai Buloh di kawasan perindustrian Pasir Gudang di sini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusof berkata, tindakan dilakukan susulan maklumat orang awam berkaitan aduan pencemaran sungai berkenaan.

Beliau berkata, JAS cawangan Pasir Gudang menjalankan siasatan ke sebuah premis berasaskan oleokimia.

Menurutnya, siasatan mendapati terdapat pelepasan efluen berwarna coklat dari sistem pengolahan efluen premis yang gagal berfungsi.

Katanya, persampelan efluen dijalankan dan sampel dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk analisa.

"Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan anggota polis dari Balai Polis Pasir Gudang bersama-sama JAS ketika pemeriksaan dilakukan.

"Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap premis dikenakan untuk menghentikan pencemaran.

"Tangkapan di bawah Seksyen 37C, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap dua individu iaitu Pengurus dan Penyelia Kilang dibuat untuk siasatan lanjut kes berhubung pencemaran ke perairan

daratan dan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009," katanya.

Sebarang aduan pencemaran boleh dilaporkan ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan@doe.gov.my>.

Sungai Buloh yang mengalir di tengah-tengah kawasan industri pernah disifatkan sebagai 'sungai mati' selain disenaraikan sebagai sungai paling tercemar di Johor pada 2021 serta salah satu daripada lima sungai yang paling tercemar di negara ini sebelum ini.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim pernah menyatakan pencemaran di sungai tersebut berlaku sejak 1970-an akibat aktiviti industri di kawasan sekitarnya.

5.	TAJUK	LEPAS EFLUEN TERCEMAR KE SUNGAI BULOH, DUA INDIVIDU DITAHAN
	SUMBER	BH ONLINE (12 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

Tiada kelulusan laporan EIA berkaitan projek bauksit di Bukit Goh - Nik Nazmi

Oleh [BERNAMA](#) - Disember 12, 2024 @ 1:32pm



Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata tidak ada sebarang kelulusan diberikan kepada Laporan Kajian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), bagi projek perlombongan bauksit di Bukit Goh, Kuantan, Pahang.

Beliau berkata sebelum ini terdapat laporan EIA yang ditolak untuk projek berkenaan di lokasi yang sama.

"Selepas itu, ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) baru sahaja menerima sekali lagi, cadangan bagi projek berkenaan yang bertajuk '*Proposed Bauxite Mining Operation in Bukit Goh, Kuantan within area of 2,424.73 hectares in Mukim Kuala Kuantan, district of Kuantan, Pahang*' pada 24 September lepas.

"Penggerak bagi cadangan projek ini ialah BG Mining Sdn Bhd," katanya semasa menjawab soalan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) yang ingin tahu mengenai kelulusan EIA yang baru diberikan kepada projek perlombongan bauksit di Bukit Goh, Kuantan, pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Nik Nazmi berkata kebiasaannya setiap laporan EIA akan dinilai dan dibincang secara terperinci di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIATRC) bersama agensi kerajaan lain, termasuk agensi teknikal peringkat Persekutuan atau negeri, individu-individu yang dilantik atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). "EIATRC akan pertimbangkan semua ulasan dan syor daripada semua pihak terlibat sebelum keputusan dibuat terhadap laporan EIA yang diterima," katanya.

Beliau berkata bagi mempertingkatkan EIA supaya lebih efektif, kerajaan menggariskan lima keutamaan dalam hal berkenaan iaitu memperkukuh keperluan perundangan, tadbir urus dalam penilaian EIA, memperkasa prosedur EIA, pendigitalan EIA, pengukuhan libat urus awam dan pemantapan penguatkuasaan EIA.

"...kita akan maklum dan akan kemas kini kepada rakyat bagaimana untuk menambah baik EIA bagi menjadikannya lebih berkesan dalam menjaga kesihatan rakyat," katanya.

— BERNAMA

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**